

PELAKSANAAN MS ISO 9001 : 2015

PERPUSTAKAAN NEGARA MALAYSIA

SKOP PELAKSANAAN SPK MS ISO 9001 : 2015



Perkhidmatan perpustakaan melalui pembinaan, pendokumentasian dan ketersediaan suatu koleksi sumber perpustakaan di peringkat kebangsaan untuk penggunaan masyarakat masa kini dan akan datang.

PELAKSANAAN SPK MELIBATKAN PERANCANGAN DAN PENGURUSAN SUMBER SECARA BERKESAN BAGI MENYEDIAKAN PERKHIDMATAN BERDASARKAN AKTIVITI PERPUSTAKAAN IAITU:

1. Rujukan dan pinjaman kepada pengguna perpustakaan melalui aktiviti perolehan bahan perpustakaan (penguatkuasaan akta, pembelian dan hadiah/pertukaran);
2. Pendaftaran, pengkatalogan dan pengindeksan;
3. Penyenggaraan dan pemeliharaan bahan-bahan berkenaan untuk kegunaan pengguna;
4. Pengurusan program galakan membaca;
5. Khidmat nasihat dan perundingan; dan
6. Aktiviti publisiti.



DASAR KUALITI



Perpustakaan Negara Malaysia komited untuk memberikan perkhidmatan perpustakaan yang berkualiti dan bertanggungjawab memelihara khazanah warisan sumber ilmu Malaysiana bagi memenuhi kepuasan pelanggan melalui pelaksanaan Sistem Pengurusan Kualiti dan amalan penambahbaikan berterusan.